

Dilema pendidik

UB 21-11-2012 B4



MINDA PENDIDIK

MUHAMAD SUHAIMI TAAT

Bersama, Mohd Yusof Abdullah,
Baharom Mohamad, Roslee Talip,
Abdul Said Ambotang dan Shukri Zain

PENDIDIK sekarang berhadapan dengan pelbagai isu dan cabaran yang kadangkala menjadikan mereka berada dalam dilema dan keliru dengan halatuju profesion pendidikan sebagai satu karier atau sebagai satu amanah dan tanggungjawab

yang wajib dijalankan dengan tulus dan ikhlas. Bidang pendidikan pada masa ini tidak hanya berkisar kepada perkara pokok iaitu memberikan pendidikan dan pengajaran secukupnya kepada anak didik, malah turut menekankan aspek profesionalisme ahlinya agar pendidik dapat berdiri sama tinggi, duduk sama rendah dengan profesion lain. Kebanyakan pendidik masa kini berlumba-lumba untuk memperbaiki taraf sosioekonomi dan juga tahap perjawatan mereka dengan menyambung pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi. Selain itu terdapat juga sebilangan guru yang berusaha dengan lebih gigih dalam meningkatkan proses pengajaran mereka untuk menjadi guru cemerlang kerana ianya merupakan 'fast track' untuk mencapai gred jawatan yang lebih baik, malah sehingga ke gred JUSA. Guru-guru ini biasanya terpaksa bertungkus lumus melakukan inovasi demi mengejar cita-cita tersebut.

Namun begitu ramai di antara mereka mengetahui bahawa tiada sebarang jaminan bahawa setelah mereka menamatkan pengajian atau setelah sesuatu inovasi pengajaran dilaksanakan, mereka akan menerima sebarang insentif seperti kenaikan gred ataupun gaji secara automatik. Sikap guru-guru ini yang melanjutkannya pelajaran demi kepuasan peribadi dan juga tuntutan kerja seharusnya dipuji kerana sentiasa dahagakan ilmu pengetahuan dan kemahiran dalam bidang yang diceburi demi kebaikan anak didik di sekolah. Begitu juga halnya dengan guru-guru yang terpaksa bertungkus lumus dari aspek kognitif dan psikomotor untuk menjadi guru berinovasi dan cemerlang. Kedua-duanya bukanlah satu tugas mudah, malahan memerlukan pengorbanan masa, tenaga, dan juga kewangan. Namun sekiranya hasrat menyambung pelajaran atau menjadi guru cemerlang di sekolah adalah lebih menjurus kepada faktor ekstrinsik seperti mengharapkan ganjaran atau insentif, gelaran dan jawatan, maka ianya akan menjadi satu episod malang dan sedih kepada dunia pendidikan yang sepatutnya berpaksikan kepada faktor intrinsik dan merujuk kepada para Nabi sebagai para pendidik mithali sepanjang zaman.

Selain itu, antara persoalan lain yang ingin diajukan oleh penulis ialah, adakah kecemerlangan yang dikecapi oleh seseorang pendidik itu seperti mengenggam segulung ijazah sarjana muda, ijazah sarjana, dan doktor falsafah, mahupun berjaya menjadi seorang guru cemerlang akan dapat memberikan impak yang signifikan kepada para pelajar? Atau adakah usaha-usaha yang dilakukan oleh para pendidik merupakan lebih kepada cabaran dalam dunia pendidikan yang menuntut guru untuk meningkatkan profesionalisme mereka semata-mata? Atau adakah gelaran keramat 'guru' yang sebenarnya mempunyai makna yang begitu mendalam dan penuh dengan hikmah itu kini sudah hilang intipatinya gara-gara ketidakupayaan sesetengah golongan pendidik untuk memahaminya dengan mata hati, dan hanya melihat profesion ini tidak banyak bezanya dengan profesion lain yang nampaknya agak jelas unsur materialistiknya?

Kadang-kadang terlintas di pemikiran ini keadaan zaman pendidikan dua puluh tahun lampau, di mana kebanyakan guru hanya memiliki sijil atau diploma perguruan, namun kesan dan impaknya jelas ketara terhadap para pelajar. Adakah mungkin juga segala yang berlaku atas desakan atau perubahan gaya hidup yang terpaksa dilalui oleh para guru? Malah, apa yang lebih menyedihkan adalah terdapat segelintir guru atau pensyarah yang memberikan kelas tambahan atau tuisyen di luar kelas kepada pelajar sendiri dengan meminta sejumlah bayaran. Itu belum lagi terdapat juga segelintir pendidik yang menulis buku semata-mata untuk mengaut keuntungan khususnya dengan mewajibkan para pelajar membeli buku karangannya yang belum tentu jaminan kualitasnya. Sekiranya para ulama, ustaz, atau guru terdahulu mengambil masa bertahun-tahun untuk menulis sebuah kitab atau buku, malah amat berhati-hati dan bertanggungjawab dengan apa yang dituliskannya, tapi pada masa sekarang, dengan 'kebijaksanaan' dan kecanggihan ICT, tidak sampai beberapa bulan sebuah buku boleh disiapkan. Apa yang lebih diutamakan adalah royalti dan keuntungan yang akan diperoleh, dan bukannya ilmu yang ingin dikongsi kepada para pembaca, dan akan dapat memberikan manfaat kepada penulis buku sehingga ke hari kiamat.

Justeru matlamat utama pendidikan yang terkandung di dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan iaitu melahirkan insan berketrampilan dan seimbang dari aspek jasmani, emosi, rohani, dan intelek serta aspek kemenjadian pelajar akan sukar untuk direalisasikan akibat daripada sebahagian guru yang telah terpesong daripada tujuan dan objektif asal untuk menjadi seorang pendidik sejati. Ilmu pengetahuan tidak lagi menjadi satu elemen yang suci dan bersifat asli, malah kian menjadi produk atau aset perniagaan yang menggunakan alasan atau format yang sama dalam asas ekonomi iaitu faktor 'demand dan supply'. Tidak keterlaluan kalau dinyatakan bahawa kini pendidikan 'terbaik' hanya boleh diperolehi oleh golongan yang mampu membayar dengan harga yang tinggi tidak kira di dalam ataupun diluar negara. Ini adalah sebahagian daripada cabaran globalisasi pendidikan terhadap para pendidik dan juga para pelajar. Orang-orang tua ada berpesan, kalau sesat di hujung jalan, maka kembalilah ke pangkal jalan. Maka, penulis berpesan kepada diri sendiri dan semua pendidik agar memperbetulkan niat dalam menjalankan tugas dan amanah yang sememangnya berat ini. Ingatlah bahawa antara ciri pendidik sejati atau mithali adalah mereka yang menyampaikan ilmu pengetahuan dan kemahiran dengan hati dan jiwa mereka, serta sentiasa berdoa agar dapat melahirkan pelajar yang menjadi manusia dalam bertikata sebenar. Tidak salah meningkatkan profesionalisme masing-masing, namun perlukan diseimbangkan dengan kecemerlangan anak didik dari pbagai sudut, kerana proses pengajaran dan pembelajaran bukanlah sekadar proses 'transferring' (pemindahan), tetapi lebih kepada proses 'transformation' (perubahan tingkah laku). Peliharalah istilah keramat 'pendidik' atau 'guru' itu agar sentiasa tersemat dalam hati sanubari kita semua.

* Penulis adalah Pensyarah Kanan di Sekolah Pendidikan dan Pembangunan Sosial, Universiti Malaysia Sabah.